

| | | | |
|------------|---------------|---------|------------|
| TARIKH | 16 / 6 / 2015 | SEKSYEN | Pendidikan |
| MUKA SURAT | 15 | RUANGAN | |



Nawawi (tengah) bergambar kenangan bersama-sama murid menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan (UPSR) anjuran Tabung Haji dan BH. (FOTO ASRIZALARI / BH)

Oleh Asrizal Aris
upen@bh.com.my

» Tapah

Tabung Haji (TH) menganjurkan Seminar Bimbingan Peperiksaan dengan kerjasama BH untuk membantu mengulang kaji dengan berkesan.

Pengarah TH Perak, Nawawi Ishak, berkata seminar yang dikendalikan oleh guru pakar itu juga membolehkan calon peperiksaan mendapat tip menjawab soalan secara tepat.

Katanya, Seminar Bimbingan Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk murid di sekitar Tapah juga dapat membantu anak daripada keluarga kurang berada mendapat keputusan cemerlang.

Semua A

"BH mendapatkan penceramah terbaik dalam kalangan kakitangan Kementerian Pendidikan.

"Saya yakin peserta akan berusaha dengan lebih gigih dan menjadi generasi penggerak negara selaras dengan tema seminar iaitu *Straight A Janji Kami*," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR anjuran TH dan BH, di Universiti Teknologi MARA

Calon tekad cemerlang

(UITM) Tapah.

Yang turut hadir ialah Ketua Unit Pembangunan Kemanusiaan, Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, Zailan Zainuddin.

Kira-kira 250 calon dari 13 sekolah sekitar Tapah menghadiri seminar sehari itu.

Seminar itu memberi tunjuk ajar untuk tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Kelab TaHa

Nawawi berkata, seminar yang dilaksanakan setiap tahun itu juga satu keistimewaan yang diperoleh murid sebagai ahli Kelab TaHa.

Katanya, kelab itu bukan sahaja menanam minat murid untuk menabung sejak di bangku sekolah, malah

menganjurkan program khas seperti kem ibadah untuk ahli kelab.

"Kelab TaHa juga diiktiraf oleh *The Malaysia Book of Records* tahun lalu sebagai sebuah kelab yang mempunyai jumlah keahlian paling ramai iaitu 1,119,094 setakat penghujung tahun 2013," katanya.

Bantu murid luar bandar

Sementara itu, Zailan berkata, program dianjurkan Kelab TaHa kepada murid Tahun Enam itu dapat memberi perkongsian maklumat yang sangat penting mengenai kaedah mengulang kaji.

"Murid perlu dibimbing setiap masa supaya mereka tidak mengenal erti putus asa dalam menuntut ilmu dan terus berusaha sampai berjaya dalam pelajaran.

» TH mahu calon UPSR di Tapah tunai janji raih 5A

"Saya berharap program Kelab TaHa akan berterusan bagi memperkasakan murid-murid sekolah terutamanya yang berada di luar bandar," katanya.

Usaha lebih gigih

Murid Sekolah Kebangsaan Temoh, Fatim Azimah Zolkepli, 12, berkata program itu bukan saja membantunya menguasai teknik menelaah secara berkesan, malah penyampaian penceramah juga menyeronokkan.

"Kami tidak bosan kerana guru yang mengajar tidak memberi tekanan dan menyampaikan pengajaran dengan baik.

"Kami akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam UPSR," katanya.



Murid memberi perhatian ketika sesi ceramah pembelajaran kaedah mengulang kaji.



Nawawi menyampaikan ucapan perasmian Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR peringkat Tapah.

dan TH